

# Akibat makin ramai bumiputera muflis

UM 17 SEP 1988

**KUALA LUMPUR 16 Sept. —** Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad bimbang penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi negara yang berjumlah 18 peratus masa ini akan berkurangan ekoran bertambahnya bilangan usahawan bumiputera yang jatuh muflis.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, kerajaan memandang berat terhadap perkembangan tersebut dan sedang berusaha sedaya - upaya untuk mengatasinya termasuk mengadakan satu dasar baru sebagai lanjutan kepada Dasar Ekonomi Baru yang berakhir pada tahun 1990.

"Kerajaan amat dukacita dengan hasrat penyertaan 30 peratus oleh bumiputera dalam punca kekayaan negara. Hingga kini pencapaian bumiputera hanyalah 18 peratus sahaja dan ada kemungkinan peratusan itu akan berkurangan."

Pengurangan ini adalah berpunca daripada beberapa masalah, antaranya termasuklah jumlah

usahawan kita yang menjadi muflis," kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika merasmikan mesyuarat agung ke-10 Persatuan Pemborong - Pemborong Binaan Bumiputera (PPPBBM) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa kerajaan telah banyak kali menasihati bank - bank supaya memberi pertimbangan lebih wajar kepada usahawan yang meminjam wang supaya jangan tergesa - gesa memufiskan mereka.

"Tidak ada sesiapa yang mendapat untung jika seseorang menjadi muflis. Usahawan tidak untung, bank juga tidak untung. Malah bila ekonomi pulih, usahawan berkenaan tidak pula boleh menjalankan kegiatan, ini menyukarkan lagi keadaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, selain kemelesetan ekonomi yang menghalang pencapaian Dasar Ekonomi Baru, ketidakcekapan pihak-pihak pelaksana, termasuk pegawai - pegawai kerajaan sendiri menjalankan tugas, adalah punca kegagalan tersebut.

"Kita cuba menyediakan peluang dan peruntukan untuk usahawan, tetapi bila melaksanakannya, ramai yang kurang cekap, termasuk pegawai-pegawai kerajaan sendiri, khususnya dalam bidang pengurusan," ujarnya.

Beliau mengingatkan para usahawan bahawa kecekapan pengurusan tidak hanya bermakna memperolehinya melalui pendidikan sebaliknya yang lebih penting ialah pengalaman.

Dalam ucapannya, Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan memberi peluang kepada usahawan bumiputera menyertai projek-projek kerajaan yang akan dilaksanakan ekoran pemulihan ekonomi negara.

"Bagaimanapun, jumlahnya tidaklah seperti yang pernah ada sebelum kita mengalami kemelesetan ekonomi dua tahun lalu," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan para usahawan bumiputera menyedari hakikat bahawa kesulitan yang dialami dalam zaman kemelesetan bukanlah mustahil untuk berulang.

Mengenai pemulihan ekonomi, Perdana Menteri berkata, ia tidak hanya bergantung kepada kenaikan harga komoditi, tetapi sama pentingnya ialah dasar yang diadalkan oleh kerajaan.

Berbagai usaha dijalankan untuk memulihkan ekonomi negara, kata Perdana Menteri.

"Malangnya, usaha dan masa banyak tertumpu kepada kerja-kerja politik. Dalam waktu tidak ada pilihanraya pun kita kena adakan pilihanraya."

"Kalau kawasan itu dapat wakil lain, tak apalah, tetapi itu juga orangnya."

"Walaupun banyak

**LIHAT MUKA 2**

## Akibat makin ramai bumiputera muflis

UM 17 SEP 1988

masa terbang untuk politik, saya memberi jaminan bahawa kerajaan tetap berusaha untuk mencapai hasrat DEB, khususnya dengan memulihkan kedudukan ekonomi," katanya.

Menurut Perdana Menteri, meskipun ekonomi negara sudah mulai pulih, kerajaan tidak boleh memberi manfaatnya kepada satu golongan sahaja kerana dasar kerajaan ialah mengagihkannya kepada semua pihak.

"Pegawai dan kakitangan kerajaan mengharapkan pertambahan gaji dan elaun. Para pemborong mengharapkan projek, manakala penganggur pula mengharapkan pekerjaan."

"Tak mungkin dapat melaksanakan semuanya, tetapi kerajaan akan cuba sedaya-upaya dengan seadil-adilnya untuk semua," jelasnya.

Dalam majlis tersebut, Perdana Menteri telah dianugerahkan Pingat

Emas Khas oleh PPPBBM sebagai penghargaan terhadap jasanya kepada negara, khususnya para pemborong bumiputera. Anugerah disampaikan oleh Presiden Persatuan Senator Abu Bakar Lajim.

Perdana Menteri kemudiannya menyampaikan pingat-pingat emas dan sijil penghargaan kepada ahli-ahli persatuan yang lain kerana jasa masing - masing.